

11/06/2002

MRSM: Kerajaan tidak berganjak

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan tetap dengan keputusannya untuk melaksanakan kuota 10 peratus bagi pelajar bukan Bumiputera memasuki Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Program Matrikulasi, mulai tahun depan.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata walaupun mendapat bantahan daripada badan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili kepentingan Melayu, ia tetap diteruskan kerana keputusannya dibuat oleh Kabinet.

"Sebaik saja jemaah menteri membuat keputusan, saya mengadakan pertemuan dengan pegawai dan kakitangan untuk mengarahkan supaya tindakan diambil bagi melaksanakan keputusan itu," katanya.

Nazri berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan lesen pembawa A (kontena) dan teksi bermodel Kenari di sini, hari ini. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu, Halimah Sulaiman.

Akhbar sebelum ini melaporkan, 26 NGO akan mengadakan pertemuan kali kedua 15 Jun ini di ibu negara, bagi membincangkan lebih lanjut isu kuota 10 peratus bagi bukan Bumiputera di MRSM dan program matrikulasi.

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mengetuai kumpulan itu, menegaskan perjumpaan tetap diadakan walaupun Kementerian Pendidikan sudah membuat keputusan muktamad mengenai perkara berkenaan.

Setiausaha Agung GPMS, Syed Anuar Syed Mohamad, berkata laporan hasil perbincangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, secepat mungkin.

Beliau berkata, pihaknya menghormati keputusan Kementerian Pendidikan tetapi GPMS mengharapkan supaya diberikan sedikit ruang untuk berbincang dan memberikan pandangan.

Nazri berkata, beliau difahamkan beberapa NGO yang mewakili kepentingan orang Melayu sedang mengadakan perbincangan dan melalui perbincangan itu kelak, pihaknya yakin banyak perkara yang akan dibangkitkan.

"Saya rasa perbincangan ini boleh diteruskan. Tidak timbul masalah. Kalau ada apa-apa perkara yang hendak dibangkitkan, boleh dihantar terus kepada saya dan saya akan menelitinya.

"Jika saya dapati hujah mereka mempunyai implikasi yang berat terhadap kepentingan orang Melayu sudah tentu kita akan mengadakan perbincangan semula.

"Namun, setakat hari ini keputusan kita adalah muktamad dan kuota 10 peratus pengambilan pelajar bukan Melayu tetap diteruskan awal tahun depan," katanya.

Mengulas kenyataan Prof Diraja Ungku Aziz bahawa sistem pendidikan negara semakin caca merba kerana sering diubah semata-mata untuk kompromi politik, Nazri berkata apa yang dinyatakan tokoh akademik berkenaan adalah satu pandangan peribadi, namun beliau bersetuju bahawa tidak harus ada sikap berdolak dalik dan berubah-ubah apabila sesuatu keputusan itu sudah dibuat.

"Walaupun ada pandangan yang berbeza tetapi ia harus diteruskan kerana keputusan itu dibuat oleh Kabinet selaku badan tertinggi dan semua pihak perlu akur dengannya.

"Kita tidak boleh buat keputusan hari ini, minggu depan kita tangguhkan, sebab itu, apabila sesetengah pihak menggesa ia ditangguhkan, saya memang tidak bersetuju," katanya.

(END)

